

Rakyat Malaysia dan sindiket pelaburan

KEGHAIRAHAN untuk hidup mewah membuatkan orang ramai mudah dijerat dengan pelbagai sindiket saham, pelaburan atau skim cepat kaya yang pada akhirnya membuatkan si pelabur berputih mata.

Pernah suatu ketika dahulu pada tahun 2006, gempar satu sindiket penipuan dengan nama Swisscash yang beroperasi 100 peratus secara maya.

Perunding Pelaburan, Azizi Ali mengemukakan beberapa bukti bahawa Swisscash merupakan satu penipuan kerana pulangan 20 peratus sebulan (240 peratus setahun) ternyata amat mencurigakan.

Swisscash telah diserbu oleh Bank Negara Malaysia (BNM) pada 2007. Operasi Swisscash pun runtuh, dan ribuan 'pelaburnya' menanggung kerugian mencecah ratusan juta ringgit.

Manakala pada 2008 Azizi mendedahkan, kemunculan sindiket saham Geneva yang menggunakan emas sebagai topeng dan menjanjikan pulangan setinggi 36 peratus setahun.

"Geneva membuat duit dengan menjual emas pada harga tertentu, memberikan pulangan setinggi 36 peratus setahun.

"Memberi pulangan tiga peratus setiap bulan kepada pembeli dan memberikan semua wang pembelian itu semula kepada pembeli dalam tempoh enam bulan kemudian," katanya.

Azizi berkata, Geneva diserbu oleh

polis dan BNM pada Oktober 2012 dan operasinya pun runtuh, sama seperti insiden Swisscash, ribuan 'pelaburnya' menanggung kerugian. Beberapa pengarah syarikat Geneva dan syarikat sekutu didakwa di mahkamah dan banyak kes masih dalam perbicaraan.

Bagaimanapun, menurut beliau, pada 2014 skim baharu seperti Pegasus Bullion pula timbul menggunakan emas sebagai penariknya dan ianya berpangkalan di China.

"Pegasus Bullion menutup operasinya pada Januari 2015. Sekali lagi, ribuan 'pelaburnya' menanggung kerugian mencecah ratusan juta ringgit.

"Selepas insiden itu, muncul pula skim-skim Emas ETA atau Emas Delay," katanya.

Menurut Azizi lagi, kemudian timbul pula UFun. Pada April 2015, polis Thailand menyerbu pejabat UFun di Bangkok. Serbuan dan tangkapan juga dibuat di seluruh Thailand pada hari-hari berikutnya. Lebih 100 ahli UFun dibicarakan dan kini meringkuk dalam penjara.

"Apa yang menyedihkan masih ramai rakyat Malaysia yang tidak serik-serik dengan skim 'pelaburan' yang pelik-pelik ini.

"Walaupun banyak nama skim pelaburan tersebut tertera dalam senarai hitam BNM dan Suruhanjaya Sekuriti, bahkan pendedahan dibuat oleh pakar-pakar kewangan dan pelaburan, masih ramai yang tetap 'melabur'," katanya.



AZIZI ALI

Sinar Harian

17/4/17

MIS 15